

Kerajaan negeri sedia terima teguran: MB

SEREMBAN: Kerajaan negeri sentiasa bersikap terbuka kepada teguran dan pandangan mana-mana pihak terhadap segala perancangan pembangunan yang dirangka bagi menjana hasil terbaik untuk manfaat rakyat, kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau berkata, kerjasama sedemikian perlu kerana skop perancangan dan ruang kerja dalam sektor awam selalunya dibataskan oleh prosedur terhad, sekali gus memerlukan pandangan pihak luar untuk menghasilkan perancangan terbaik.

"Kita sedang membangunkan negara dengan pesat sekali. Jadi, saya berharap pihak di luar, terutama golongan profesional seperti jurutera dapat memberikan pandangan dan nasihat terhadap perancangan yang dibuat kerajaan.

"Kerjasama seperti itu amat penting kerana saya akui dalam bidang kerja kerajaan, ada banyak kekangan dan ruang yang terhad," katanya pada majlis jamuan bagi mengisi Tabung Bantuan Bangunan Institusi Jurutera Malaysia (IJM) Cawangan Negeri Sembilan, di sini, baru-baru ini.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai masalah dalam menerima pandangan pihak luar yang



PENYERAHAN: Ahmad Husaini (kanan) menyerahkan sumbangan untuk Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP kepada wakil NST Seremban, Rizalman sambil diperhatikan Mohamad, baru-baru ini.

boleh menambah baik perkhidmatan awam dan memberi manfaat kepada orang ramai.

Katanya, profesional dalam sektor swasta juga harus memikul tanggungjawab dan menunaikan amanah rakyat yang mengharap hasil terbaik dalam apa juga perkhidmatan yang diberikan oleh sektor berkenaan.

"Golongan jurutera contohnya, perlu amanah dan telus dalam menunaikan tugas mereka. Kita tak mahu nanti apabila bina bangunan, bangunan tumbang... buat jambatan, jambatan runtuh," katanya.

Mohamad berkata, insiden sedemikian berlaku di merata negara, termasuk kes bangunan runtuh yang pernah berlaku di Malaysia sehingga mengorbankan banyak nyawa yang berpunca daripada kecuai manusia.

"Kita tidak mahu kerana tidak telus dan cuai, akan berlaku bencana yang mengakibatkan kehilangan jiwa," katanya.

Pada majlis sama, Pengerusi IJM Negeri Sembilan, Ahmad Husaini Sulaiman menyerahkan RM5,000 hasil sumbangan kira-kira 300 ahlinya untuk Tabung Bantuan Mangsa Banjir kelolaan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) kepada wakil NSTP Seremban, Rizalman Hammim.